

**Pakar Ekonomi Jangka Ekonomi Malaysia Tumbuh Lima Peratus
Bernama
12 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh lima peratus tahun ini berikutan momentum menaik pada suku kedua tahun lalu mungkin dapat dikekalkan, kata Ketua Pakar Ekonomi Allianz Group, Michael Heise.

Heise berkata, pelaburan swasta yang lebih tinggi serta eksport yang lebih kukuh akan membantu pertumbuhan tahun ini.

"Kami menjangka pertumbuhan stabil untuk Malaysia yang mendapat manfaat daripada peningkatan eksport, terutama ke negara Eropah ekoran pemulihan ekonomi mereka," katanya di taklimat media mengenai 'Prospek Ekonomi Global, Pasaran Membangun dan Malaysia,' di sini Rabu.

Menurutnya, harga komoditi akan membantu negara ini kerana minyak sawit dan komoditi lain akan diniagakan lebih tinggi berikutan krisis di Ukraine.

"Harga komoditi terbabit akan kekal tinggi untuk beberapa waktu. Pemulihan eksport akan merangsang pelaburan kukuh ke dalam negara ini," katanya.

Tahun lalu, katanya, keluaran dalam negara kasar sebenar Malaysia berkembang 4.7 peratus.

Heise berkata, Malaysia akan mengalami penggunaan persendirian kurang dinamik tahun ini kesan daripada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan.

Bagaimanapun, ia akan diimbangi pengurangan tabungan persendirian, katanya.

Pakar ekonomi itu juga berkata, konsolidasi kewangan Malaysia serta kesan pusingan kedua inflasi, adalah antara pelbagai cabaran dihadapi negara ini.

Menurutnya, nilai ringgit dijangka susut lima peratus menjelang akhir tahun berikutan pengurangan dalam dasar pengurangan kuantitatif rangsangan ekonomi AS.

"Banyak perkara bergantung kepada tindakan Bank Pusat Eropah yang setakat ini masih 'ke arah pengurangan' dan saya boleh menjangka beberapa perubahan dasarnya tahun ini.

"Bersama tindakan Rizab Persekutuan AS, ia akan mewujudkan sedikit 'bunyi bising' dalam pasaran kewangan dan ini akan memberi tekanan ke atas pasaran membangun.

"Bagaimanapun, ia tidak akan membawa perubahan besar atau agresif kerana pasaran memang menjangka dasar monetari terbabit," katanya.

Ringgit ditutup lebih rendah pada 3.2800/2830 berbanding dolar US hari ini, berbanding 3.2785/2815 yang dicatat semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021349>